

30/05/1997

Malaysia diiktiraf 10 paling bersaing

Karim Sulaiman

PERKEMBANGAN ekonomi Malaysia sentiasa mendapat perhatian dunia luar. Malaysia, sebagai Harimau Asia adalah antara negara yang mempunyai kedudukan ekonomi stabil di dunia.

Sehubungan itu, apa yang berlaku di Malaysia akan mendapat reaksi segera dari negara luar.

Kedudukan ekonomi negara bukan saja kukuh, malah bersaing mengikut kajian World Economic Forum (WEF).

Badan yang berpangkalan di Switzerland itu, dalam Laporan Persaingan Global 1997 meletakkan ekonomi Malaysia di antara 10 negara yang paling bersaing daripada 53 negara.

Paling tepat, Malaysia menduduki tangga ke-sembilan, mengatasi negara maju seperti Australia, Perancis, Itali dan Jerman.

WEF menggunakan 155 kriteria dalam menentukan daya saing ekonomi sesebuah negara, termasuk peranan belanjawan dan peraturan kerajaan; perdagangan dan kewangan antarabangsa terbuka; pembangunan pasaran kewangan; kualiti teknologi dan pengurusan perniagaan serta kualiti sistem undang-undang dan politik.

Atas ciri-ciri itu Malaysia layak menduduki di antara 10 negara paling berdaya saing di dunia dan menjadikannya tempat pelaburan menarik di dunia.

Pertumbuhan ekonomi pesat Malaysia dicemburui beberapa pihak, terutama dari Barat. Penganalisis ekonomi Barat misalnya, menyifatkan angka yang diberikan dalam menunjukkan indeks pertumbuhan negara sebagai rekaan.

Mereka mendakwa angka itu semata-mata untuk menarik pelaburan asing dengan menyatakan bahawa Malaysia mempunyai kedudukan ekonomi kukuh.

Tidak kurang pula, mahukan Malaysia memperlahankan ekonominya bagi mengelak kelembapan ekonomi.

Soalan ini turut dikemukakan oleh tokoh korporat dan ahli perniagaan Eropah yang menyertai Seminar Pelaburan Koridor Raya Multimedia di London, minggu lalu.

Mereka bimbang dengan pertumbuhan pesat ekonomi negara dan mengikut mereka, jika tidak diperlahankan akan memberi kesan buruk dan menjejaskan matlamat menjadikan Malaysia negara membangun menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri ketika menjawab persoalan itu, yakin negara tidak akan mengalami kelembapan ekonomi dengan kadar pertumbuhan ekonomi sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ekonomi negara mencatatkan kadar pertumbuhan purata lapan peratus setahun sejak sembilan tahun lalu dan hanya perlu kekal pada kadar tujuh peratus untuk tempoh 20 tahun akan datang bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Katanya, jika negara mampu mencatatkan pertumbuhan enam peratus setahun dengan bergantung terutamanya kepada getah dan bijih timah 20 tahun lalu, tiada sebab kepelbagaian ekonomi sekarang tidak mampu membawa negara mencapai matlamat itu.

"Kita telah mendengar banyak laporan dan analisis orang luar mengenai ekonomi negara.

"Mereka meramalkan itu akan menghadapi kelembapan ekonomi kerana perkembangan yang terlalu pesat.

"Kita tidak peduli dengan analisis itu kerana tahu apa yang kita buat. Kita telah mengalaminya (kelembapan ekonomi) dan tahu cara untuk mengendali serta mengatasinya," katanya.

(END)

